

CNS7974

U GB 18-01 00191 BA536

aab

Parlimen - Mahathir

CADANGAN PINDAAN UNTUK SELAMATKAN KEHORMATAN RAJA

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Cadangan kerajaan meminda Perlembagaan bagi memansuhkan imuniti Raja-raja dari segi undang-undang bukan sahaja bertujuan menghindarkan Raja-raja daripada melakukan jenayah, sebaliknya ia untuk memastikan Raja terus dihormati dan sistem Raja Berperlembagaan berkekalan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cadangan kerajaan itu dibuat kerana kerajaan ingin menjaga maruah Raja-raja dan mengelak kebencian rakyat meluap berikutan beberapa penganiayaan Raja terhadap rakyat yang berlaku baru-baru ini.

"Berikutan dua insiden Raja dan anak raja memukul rakyat, kerajaan tidak dapat memandang ringan kejadian-kejadian ini tanpa menjejaskan kredibiliti kerajaan sebagai pemerintah yang bertanggungjawab.

"Kerajaan terpaksa membuat pendirian tegas untuk melindungi rakyat daripada dianiaya oleh Raja," kata Dr Mahathir semasa membentangkan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 pada persidangan khas Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, pendirian kerajaan itu tidak dibuat kerana dua insiden itu sahaja tetapi sebelum ini terdapat banyak insiden di mana Raja menganiyai rakyat, Raja menyalahi undang-undang sivil dan jenayah, Raja menyalahgunakan wang, harta kerajaan dan negara serta Raja menekan dan menganiaya pegawai-pegawai. -- Lagi.

▼18/01/16-09MST

U GB 18-01 00138 BA537

aab

Parlimen - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Kata Dr Mahathir, dua insiden di Johor itu hanyalah "the straw that broke the camel's back."

Reaksi rakyat terhadap insiden-insiden itu jelas menunjukkan bahawa rakyat tidak lagi dapat menerima perbuatan seperti itu dan mahukan perubahan, tambahnya.

Menurut beliau tujuan sebenar pindaan-pindaan itu bukan kerana kerajaan ataupun rakyat ingin mengheret Raja-raja ke mahkamah dengan sewenang-wenangnya.

"Tujuannya ialah supaya Raja-raja akan mengindarkan diri daripada melakukan yang boleh mengakibatkan tindakan undang-undang. Oleh itu, Raja akan lebih dihormati," tambahnya.

Beliau menegaskan bahawa penghormatan rakyat terhadap Raja tidak boleh ditentukan oleh undang-undang, sebaliknya penghormatan itu "must be earned."

Katanya, dengan kesedaran Raja boleh dihadapkan ke mahkamah, Raja tentu akan mengelak daripada melakukan perbuatan yang akan menyebabkan rakyat tidak menghormati Raja. -- Lagi.

▼18/01/16-14MST

CNS7997

U GB 18-01 00119 BA538

aab

Parlimen - Mahathir 3 Kuala Lumpur

Dengan itu, kata Dr Mahathir, institusi beraja akan lebih dihormati dan lebih berkekalan.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak bercadang sama sekali untuk menghapuskan sistem Beraja sebagaimana jelas daripada pindaan yang dikemukakan.

Katanya, cubaan orang tertentu untuk memesonkan fikiran rakyat dengan menuduh kerajaan bercadang menghapuskan sistem beraja adalah fitnah semata-mata.

Katanya, bagi menguatkan usaha mengekalkan Raja dan sistem Beraja, sebarang syor atau desakan menghapuskan sistem beraja adalah ditafsirkan sebagai hasutan dan akan didakwa menurut Akta Hasutan.

"Kerajaan akan mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan ke atas sesiapa sahaja yang mengesyor atau bertindak untuk menghapuskan sistem Beraja," katanya. -- Lagi.

▼18/01/16-41MST

U GB 18-01 00161 BA539

aab

Parlimen - Mahathir 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kerajaan sedar bahawa rakyat, khususnya orang Melayu, menerima dan menyokong institusi Raja-raja Melayu.

"Tuduhan yang dibuat oleh orang tertentu itu bahawa kerajaan bercadang untuk menghapuskan sistem beraja adalah kerana kepentingan politik semata-mata.

"Kerajaan yang mewakili majoriti orang Melayu dan kaum lain akan mematuhi kehendak rakyat dan tidak akan melakukan sesuatu yang tidak disukai.

"Oleh kerana jelas majoriti rakyat berbilang kaum di negara ini masih menghendaki sistem Beraja khususnya sistem Raja Berperlembagaan, maka kerajaan akan menentukan sistem ini dilindungi oleh perlembagaan," katanya.

Beliau berkata ada pihak yang berpendapat bahawa raja Melayu diperlukan untuk melindungi orang Melayu.

Katanya, peristiwa Perjanjian MacMichael dan Malayan Union jelas membuktikan bahawa yang sanggup dan mampu melindungi orang Melayu ialah orang Melayu sendiri.

"Jika tidak kerana mereka bangun dan menentang Malayan Union, hari ini orang Melayu akan menjadi pengemis di negeri sendiri." -- Lagi.

▼18/01/16-44MST

U GB 18-01 00189 BA540

aab

Parlimen - Mahathir 5 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata perbuatan pihak yang cuba menakutkan orang Melayu terhadap pindaan ini adalah kerana mereka ingin menggunakan sentimen kaum untuk kepentingan parti mereka.

Katanya, sejarah mereka tidak boleh meyakinkan kerajaan bahawa mereka ikhlas memandangkan merekalah yang telah cuba melemahkan orang Melayu dengan memecahbelahkan UMNO dan mengadakan kerjasama dengan pihak tertentu yang diragui oleh orang Melayu.

"Apakah hanya dengan menghalang Raja daripada melakukan jenayah maka Raja akan hilang kedaulatan dan tidak lagi menjadi Raja?" tanya beliau.

Pendapat bahawa Raja hanya boleh menjadi Raja jika ia berhak dan diberi keistimewaan melakukan jenayah adalah bertentangan dengan konsep Raja sebagai punca undang-undang.

Merujuk contoh di negara-negara Barat yang mengekalkan sistem Beraja, beliau berkata Raja, kerajaan dan rakyat tahu bahawa jika Raja melakukan jenayah, Raja akan dihadapkan ke mahkamah dan akan diturunkan dari tahtanya, dengan itu Raja di negara Barat tidak akan dengan sengaja melakukan jenayah.

"Walaupun jelas, Raja-raja di Barat tidak kebal daripada tindakan undang-undang dan bukan undang-undang, Raja masih tetap juga Raja. Mereka masih dihormati dan disegani," tambahnya. -- Lagi.

▼18/01/16-51MST

U GB 18-01 00185 BA541

aab

Parlimen - Mahathir 6 Kuala Lumpur

Katanya, pada zaman British Raja-raja Melayu boleh dinaikkan atau diturunkan dari takhta oleh pegawai-pegawai British yang pada satu ketika mengugut untuk memecat Raja-raja jika mereka tidak menandatangani perjanjian Malayan Union.

Dalam keadaan sebegini pun, Raja terus menjadi Raja dan rakyat tidak menuntut supaya Raja-raja disingkir atau sistem beraja dihapuskan walaupun Raja-raja telah menyerahkan negeri-negeri Melayu kepada penjajah.

Dr Mahathir berkata dengan tindakan orang Melayu melawan Malayan Union, adalah jelas bahawa nasib orang Melayu berada di tangan rakyat Melayu.

Keselamatan orang Melayu tidak terjejas dengan Raja Melayu tidak memiliki hak untuk melakukan jenayah.

Katanya, dakwaan pihak tertentu kononnya dengan penghapusan hak Raja melakukan jenayah, maka orang Melayu tidak akan Melayu lagi atau akan habislah keistimewaan kedudukan orang Melayu, adalah tidak benar dan merupakan fitnah.

"Yang akan menjamin Melayu terus Melayu dan hak-hak orang Melayu terus terpelihara ialah orang Melayu sendiri.

"Mereka lah melalui wakil-wakil dan kerajaan yang mereka pilih yang mencipta dan melaksanakan berbagai-bagai rancangan untuk memelihara dan menebus maruah bangsa Melayu," katanya. -- Lagi.

▼18/01/17-00000

R GB 18-01 00163 BA544

bah

Parlimen - Mahathir 7 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata jika Malaysia ingin terus menjadi sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan Raja Perperlembagaan, kekebalan yang diberikan kepada Raja-raja perlulah dihapuskan.

Oleh kerana perlembagaan di negara-negara yang mengamalkan sistem raja Perperlembagaan tidak memberi kekebalan kepada raja-raja mereka, maka penghapusan kekebalan Raja-raja Melayu tidak akan menjejaskan kedaulatan mereka, katanya.

Beliau menegaskan bahawa pada zaman moden ini, hanya kerana Raja tidak boleh melakukan jenayah dengan sewenang-wenangnya tidak akan menjejaskan taraf raja, terutama di negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Katanya, perlindungan dan keistimewaan yang diberi kepada Raja bertujuan meletakkan Raja di tempat yang tinggi dan mulia.

Perlindungan dan keistimewaan ini bukanlah untuk membolehkan Raja melakukan apa sahaja termasuk jenayah sebaliknya raja yang sedar dan faham akan maksud sebenar pindaan itu akan sentiasa memelihara daripada mencemar diri dalam perbuatan atau kelakuan yang tidak baik dan tidak disukai oleh masyarakat. -- Lagi.

▼18/01/17-10MST

R GB 18-01 00204 BA548

bah

Parlimen - Mahathir 8 (akhir) Kuala Lumpur

"Raja yang sedar akan tahu bahawa perbuatan tidak menghiraukan perasaan dan pandangan masyarakat akan menyebabkan rakyat akhirnya menyingkirkan raja, bahkan menghapuskan sistem Raja.

"Inilah yang berlaku di negara-negara lain yang sekarang menjadi republik," katanya.

Dalam perkara ini, beliau memetik satu rencana yang dihantar kepada akhbar The Straits Times pada 1946 oleh seorang tokoh Melayu yang terkemuka apabila British mencadangkan penubuhan Malayan Union. Rencana ini tidak disiarkan oleh akhbar itu tetapi disampaikan kepada Perdana Menteri oleh penulis baru-baru ini.

Penulis itu menyebut "All intelligent Malay leaders ought now seriously to give most profound and careful thought to the question whether the time has not arrived when the Malay royalty (I mean the Sultan and Raja) should gracefully withdraw themselves all together."

(Semua pemimpin Melayu yang bijak seharusnya sekarang memikirkan dengan amat mendalam dan teliti persoalan sama ada masanya belum tiba apabila kerabat diraja Melayu (maksud saya Sultan dan Raja) patut mengundurkan diri dengan terhormat.)

"Jika pandangan seperti ini sudah ada pada tahun 1946, apakah ia tidak mungkin wujud semula pada 1993 jika raja-raja tidak dihalang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak diingini," katanya. -- Bernama.

▼18/01/18-05MST